

27 MAR 1997

PENIAGA JEPUN DIGESA BENTUK PERKONGSIAN DENGAN RAKAN MALAYSIA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 27 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya para peniaga Jepun bergabung dengan rakan-rakan niaga Malaysia untuk mencari peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di negara-negara ketiga.

Katanya Malaysia dengan perhubungan yang baik dengan banyak negara membangun boleh membuka pintu untuk perdagangan Jepun.

Beliau menggesa Keidanren (Persekutuan Pertubuhan-pertubuhan Ekonomi Jepun yang mengandungi perbadanan-perbadanan Jepun terkemuka) yang kuat itu menubuhkan hubungan dengan Massa (Persatuan Selatan-Selatan Malaysia).

Ditubuhkan lima tahun lalu, Massa melalui cawangan korporatnya, MassCorp, telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang bermatlamat menghubungkan firma-firma dan usahawan-usahawan Asia yang mencari peluang-peluang perkongsian antarabangsa di negara-negara yang mencari pelaburan langsung asing (FDI).

"Perkongsian di dalam pelaburan mengujudkan tenaga lebih besar dengan gabungan kepakaran dan pengalaman rakan negara masing-masing," kata Dr Mahathir pada perjumpaan jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh enam buah pertubuhan ekonomi Jepun.

Sehubungan dengan itu, Malaysia dengan Wawasan 2020-nya dan pelbagai projek pembangunan yang diwujudkan, menawarkan peluang yang banyak bagi perdagangan dan pelaburan.

Sambil mempelawa pertubuhan perniagaan Jepun mengambil minat yang lebih besar terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata sementara beberapa negara mungkin mempunyai harga tanah yang lebih murah, sewaan lebih rendah dan upah yang lebih rendah, Malaysia menawarkan kerajaan yang stabil, kukuh dan mesra perniagaan, dasar-dasar yang konsisten, persekitaran yang selamat dan sihat dan regim ekonomi yang memandang ke hadapan untuk membantu para pelabur berjaya.

Katanya Malaysia telah mencapai satu peringkat di mana dasar-dasar dan strategi-strategi perindustriannya telah disemak kerana kejayaan pengindustrian.

Matlamat awal mengujudkan pekerjaan melalui industri-industri berintensif buruh telah menghasilkan gunatenaga penuh dan kekurangan buruh.

"Kami kini terpaksa memasuki industri-industri berintensif modal dan teknologi bagi memberikan rakyat kami pendapatan yang lebih baik dan mengelakkan pergantungan kepada buruh asing," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia berhasrat menggerakkan operasi pembuatan melampaui pengeluaran semata-mata untuk memasukkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan ((R&D), kemampuan reka bentuk, pembangunan industri-industri sokongan, pembungkusan, pengedaran dan pemasaran.

Agihan sektor pembuatan daripada KDNK (keluaran dalam negara kasar) diramalkan meningkat dari 33.1 peratus pada 1995 kepada 37.5 peratus pada tahun 2000 dan akhir tempoh Pelan Induk Perindustrian Kedua pada tahun 2005, sektor itu mungkin mencapai 38.4 peratus agihan daripada KDNK.

Perdana Mentair juga telah memberi taklimat kepada perhimpunan makan tengah hari itu mengenai Koridor Raya Multimedia.

Dr Mahathir sedang dalam lawatan rasmi empat hari ke Jepun. -- BERNAMA

SJ OS/sia